

# SMU lancar inisiatif galak aktiviti berkebun

SEBUAH pergerakan menggalak kegiatan berkebun di tengah-tengah kawasan bandar telah disemai Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Universiti itu semalam melancarkan satu inisiatif yang diberi nama *Grow* untuk menggalak kegiatan berkebun dan kehidupan berterusan dengan membuka satu tapak taman baru di luar bangunan Sekolah Perakaunan dan Undang-Undang di Queen Street.

Taman itu akan ditanam dengan kira-kira 50 jenis tumbuhan, termasuk selasih, bayam, betik dan jambu batu. Ia akan dikendalikan pelajar dan kakitangan se-

cara sukarela, dan akan turut dibuka kepada orang ramai, yang juga boleh menyertai kegiatan berkebun.

Hasil daripada taman itu akan digunakan dalam projek khidmat masyarakat seperti *SMU Challenge*, acara tahunan di mana pelajar menghantar makanan dan keperluan rumah kepada keluarga warga tua dan golongan berpendapatan rendah di Queenstown.

Di bawah projek berkebun itu, sebanyak 30 kotak tanaman yang mengandungi tumbuh-tumbuhan seperti herba akan juga ditawarkan sebagai projek jagaan, pada harga \$80 sekotak.

Kakitangan dan pelajar SMU boleh menjaga kotak tanaman itu, yang akan diletakkan di luar perpustakaan dan di bangunan pentadbiran.

Ahli fakulti juga dapat memanfaatkan ilmu yang diraih daripada bengkel pertanian yang dijalankan *Edible Gardens*, sebuah pergerakan makanan tempatan.

Antara lain, peserta diajar tentang cara menanam sayuran mikro.

Dua bengkel telah diadakan dengan yang terakhir dihadiri lebih 100 kakitangan SMU.

Berucap di majlis pelancaran inisiatif *Grow* semalam, Presiden SMU, Profesor Arnoud de Meyer, berkata: "Membina sebuah taman secara fizikal dan juga dalam jiwa kita akan membawa masyarakat kita kepada asas penting dalam hidup. Kita perlu menghasilkan makanan untuk tubuh dan jiwa, dan bertanggungjawab membina sebuah masa depan yang lebih baik lagi menghijau."

Hadir sebagai tetamu terhormat di acara pelancaran itu ialah Mayor Central Singapore, Cik Denise Phua.

Berucap di acara itu, beliau berkata: "Taman ini tidak sebesar jika dibandingkan dengan bilangan yang akan memanfaatkan hasilnya kelak.

"Namun, apa yang penting ialah semangat usaha ini, menggembeng tenaga setiap lapisan masyarakat untuk berkhidmat sebagai 'pekebun', agar hasil taman ini kelak dapat dinikmati orang lain."



**BERKEBUN BERSAMA-SAMA:** Cik Denise Phua (*kiri*) dan Profesor Arnoud De Meyer bersama-sama menanam pokok sebagai simbol pelancaran inisiatif *Grow*. – Foto SMU